

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date | 11 July 2015 |

Kompleks Nasyrul Quran jadi kebanggaan

Um-11/7/2015

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 10 JULAI

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini merasmikan tapak Kompleks Nasyrul Quran iaitu sebuah pusat percetakan mushaf al-Quran bersepadu di rantau ini sekaU gus menjadi pusat pengeluaran al-Quran kedua terbesar di dimia selepas Arab Saudi.

Sambil menyifatkan kompleks itu sebagai lambang kebanggaan umjit Islam negara ini, Najib dalam ucapannya turut mengaggapnya sebagai manifestasi kegigihan kerajaan dalam usaha meninggikan syiar Islam tanpa mengenal jemu dan penat.

Beliau berkata, kompleks itu dijangka mampu mengeluarkan antara sejuta hingga tiga juta mushaf yang berkualiti setahun untuk di-

edarkan ke seluruh dunia selepas pusat percetakan al-Quran itu beroperasi sepenuhnya.

"Sememangnya kerajaan komited untuk meninggikan syiar Islam di negara ini dan pembinaan kompleks ini adalah manifestasi kepada usaha keras kita. Atas komitmen ini juga kerajaan akan sentiasa memastikan setiap dasar dan tindak tanduk kita tetap berpandukan kepada ajaran dan prinsip al-Quran," katanya di sini.

Perancangan pembangunan keseluruhan projek kompleks itu dijangka siap dalam tempoh setahun setengah iaitu sebelum hujung tahun depan.

Selain merasmikan tapak kompleks itu, Najib turut melancarkan Tabung Wakaf Kertas serta menyerahkan bantuan sebanyak RM25 juta kepada sekolah pondok yang berdaftar dengan keijasama Jabatan Agama Islam Negeri atau

Majlis Agama Islam Negeri.

Kompleks Nasyrul Quran yang diumumkan pembinaannya ketika pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober tahun lalu akan dibangunkan di atas tanah seluas 209 hektar di Presint 14 dengan kos bangunan, mesin cetak dan mesin jilid sebanyak RM60 juta.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan dan Pengerusi Yayasan Restu, Datuk Abdul Latiff Mirasa.

Perdana Menteri berkata, pemilihan Putrajaya sebagai lokasi Kompleks Nasyrul Quran adalah amat bersesuaian memandangkan pusat bandar tersebut merupakan nadi kepada pentadbiran dan pemerintahan negara.

"Pemilihan Putrajaya sebagai

lokasi kompleks amat tepat sekali kerana Putrajaya merupakan pusat pemerintahan negara manakala di sisinya terdapat sebuah pusat percetakan al-Quran yang kedua terbesar di dunia," katanya lagi.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri juga menceritakan bagaimana tercetusnya idea untuk membina kompleks tersebut selepas perbincangan antara beliau dengan Abdul Latiff dua tahun lalu.

"Saya tertarik hati dengan cadangan untuk bina kompleks ini dan bertitik tolak daripada itu saya berusaha menjadikannya satu kenyataan dengan harapan kompleks ini akan menjadi tersohor di seluruh dunia satu hari nanti.

"Apa pun saya percaya apabila kompleks ini siap sepenuhnya, ia akan memberi impak positif terhadap keberkesanan maklumat yang terdapat dalam al-Quran pada keseluruhannya," katanya.